

ALOR SETAR, 20 JUN (BERNAMA) -- BEKAS ANGGOTA JAWATANKUASA  
TERTINGGI UMNO DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, BERKATA HARI INI  
KERAJAAN DI-BAWAH PIMPINAN TUN ABDUL RAZAK SEKARANG ADA-LAH  
+LEBEH SESUAI DAN PRATIKAL+. 1971

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA, SATU PERKARA YANG MENAREK  
IA-LAH KERAJAAN DAN PARTI HARI INI MEMBERI PERHATIAN LEBEH KAPADA  
PENDAPAT ORANG RAMAI DAN KEPENTINGAN RAAYAT.

DR. MAHATHIR BERKATA, IA SEDANG MENGIKUTI PERKEMBANGAN  
POLITIK NEGERI INI DAN JUGA UMNO.

TAMBAH-NYA, +ADA KEMUNGKINAN SAYA MASOK SEMULA KA-DALAM UMNO+,  
WALAU PUN IA BELUM LAGI MEMBUAT PERMOHONAN RESMI.

BELIAU MENGESAHKAN BAHAWA KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO  
MALAYSIA DAN JUGA MENTERI BESAR SELANGOR, DATO HAJI HARUN BIN HAJI  
IDRIS TELAH +MEMBAYANGKAN+ KEINGINAN-NYA SUPAYA IA BALEK SA-MULA  
KA-DALAM UMNO. -- BERSAMBONG 1237/A1

BELIAU SANGGUP MEMBERI SUMBANGAN BUAH FIKIRAN DAN PENDAPAT KIRA-  
NYA DI-PERLUKAN WALAU PUN IA TIDAK MASOK SA-MULA KA-DALAM PARTI.

DI-TANYA SEBAB2 IA MENYERTAI KEMPEN PAS DALAM PILEHANRAYA  
KECHIL KAPAR, SELANGOR BULAN APRIL LALU, DR. MAHATHIR BERKATA:

+ITU-LAH SAJA PELUANG BAGI SAYA BERCHAKAP KERANA SAYA TIDAK  
DI-BENARKAN BERCHAKAP DI-SABARANG FORAM.

+LAGI PUN SAYA BEBAS DAN TIDAK TERIKAT DENGAN MANA2 PARTI POLITIK.  
KATA-NYA. -- BERNAMA 1242/A1